

Wanita Islam yang Berjuang

Oleh: Faḍilat al-Ustādh Ahmad al-Sharbasi, Mahaguru Universiti Azhar – Mesir.

(Dipetik dan disusun oleh Putera Abadi)

Sedang Umaymah duduk menyulam di biliknya, tiba-tiba masuk saudara lelakinya, ‘Āmir, seorang anak muda yang kacak dan penuh tekad.

“Selamat datang saudaraku, apakah berita perjuangan saudara?” tanya Umaymah, lalu dijawab oleh ‘Āmir:

“Pertempuran telah berlaku di antara orang-orang Islam kita dan pihak musuh. Mereka sedang bertempur dengan hebatnya, Alim ulama dan mubaligh-mubaligh Islam telah memberi perangsang kepada anak-anak muda supaya berjuang, membela agama dan tanah air.”

Mendengarkan berita itu, Umaymah segera bertanya:

“Apakah cita-citamu dan saudara-saudara kita yang lain, tidakkah keluarga kita turut berjuang bersama-sama dengan pahlawan-pahlawan selama itu?”

“Tuhan melanjutkan umurmu wahai Umaymah”, kata abangnya ‘Āmir, engkaulah sebaik-baik serikandi Islam yang beriman kepada Allah dan percaya teguh kepada pertolongan-Nya. Aku keluar bersama-sama dengan saudara-saudara kita yang bertiga: Ḥusām, Nāṣir dan ‘Izz al-Dīn untuk bertempur di medan perjuangan.”

Dengan gemetar, Umaymah bertanya: “Engkau berempat akan pergi berjuang dengan meninggalkan aku seorang diri?... ya, aku sabar, tetapi siapakah yang akan menjaga dan mengawal aku – wahai ‘Āmir, sedang ibu dan ayah telah pergi menyahut seruan Ilahi?”

Sebaik-baik sahaja Umaymah menyudahkan kata-katanya, tiba-tiba masuklah saudara-saudara lelakinya yang bertiga.

Ḥusām pun segera menyampuk ujarnya: “Tuhanlah jua yang akan menjaga dan memeliharaku wahai Umaymah. Tuhan jua sebaik-baik Penjaga dan sekasih-kasih Pengasih.”

Tunduk sebentar Umaymah mendengarnya lalu berkata: “Aku beriman kepada Allah sarwa sekalian alam. Tuhanlah yang menjaga pergi dan kembalinya saudara-saudara, Dialah yang mengawal tanah air kita ini dengan keberanian saudara-saudara. Allah selamatkan saudara-saudara sehingga kita dapat berkumpul semula.”

‘Izz al-Dīn pula segera menyambut kata-kata adiknya Umaymah yang disayangi itu dengan berkata: “Atau pun akan dicatitkan kita sebagai saksi dalam perjuangan membela

Islam dengan menyabung nyawa.”

“Benar apa yang dikatakan oleh ‘Izz al-Dīn” kata pula Nāṣir, “Itulah akhir kemenangan bagi orang-orang Mukmin. Apalagi bila dikenang akan firman Allah Ta‘ālā yang bermaksud: Sesungguhnya Allah membeli diri orang-orang beriman bersama-sama dengan harta benda mereka, iaitu dengan mengurniakan mereka syurga. Mereka berperang dalam menegakkan agama Allah, maka mereka membunuh dan mereka dibunuh. Perjanjian Allah tentang yang demikian itu memang benar sebagaimana yang termaktub di dalam Tawrah dan Injil dan Qur’an. Barangsiapa yang menunaikan janjinya terhadap Allah, maka gembirkanlah dengan persediaan yang telah kamu ikat dengan Dia, itulah kemenangan yang maha besar.”

Suasana menjadi sepi, lima beradik telah terdiam sejurus memenungkan kata-kata yang tersimpul dalam maksud ayat suci yang dibacakan oleh Nāṣir tadi. Pada saat itu kedengaran ‘Āmir yang telah berkobar-kobar semangat perjuangannya mengajak sekaliannya berlengkap sedia untuk merempuh medan perjuangan. “Masa itu seperti pedang”, kata Nāṣir, “Kalau kita tidak memotongnya, dia akan memotong kita.”

Ajakan Nāṣir itu telah disahut oleh saudara-saudaranya yang sedang meluap-luap semangatnya sambil menegaskan azam mereka hendak menghalau musuh yang telah mencerooboh tanah air dan mengancam keselamatan agama Islam.

Tidak juga kurang semangat Ḥusām, yang telah menyatakan yakinnya bahawa tentera Islam – dengan bantuan Allah ‘Azza wa Jalla – akan menempa kemenangan yang cemerlang.

Tiba-tiba Umaymah bertanya dengan hiba hatinya: “Apa hal aku, tidakkah sepatutnya turut serta dalam perjuangan? Tidakkah aku bertanggungjawab untuk berjuang menentang



Tiga orang Islam yang berjiwa pahlawan, dari suku “Bajau” di Borneo Utara, sedang menunggang kuda dalam suatu perayaan kebangsaan.

musuh?”

“Tak payah Umaymah”, jawab Nāṣir, “Tuhan tidak menyuruh wanita-wanita turut berjuang, tetapi menyuruhnya berdiam di rumah, kecuali keadaan menghendaki berbuat demikian kerana kaum perempuan sangat lemah dalam perjuangan. Berlainan dengan kami kaum lelaki yang kuat dan gagah, adalah bertanggungjawab penuh dalam bertempur menentang musuh.”

“Tidak, tidak begitu Nāṣir” kata pula ‘Āmir, “Kaum perempuan ialah sebaya dengan kaum lelaki. Gadis-gadis dan puan-puan telah berjuang dengan handalnya pada masa yang lalu. Pasukan wanita telah turut serta pasukan

kaum lelaki dalam peperangan.”

Tiba-tiba ‘Izz al-Dīn menyampuk: “Tetapi kaum perempuan tidak juga ditugaskan bertempur di medan perang.

Mereka hanya dikehendaki berada di barisan belakang.

Urusan mereka hanya merawat dan membalut luka orang-orang yang tercedera dalam pertempuran, memberi bantuan air dan makanan kepada pahlawan-pahlawan Islam. Patut juga disebut, ahli-ahli tarikh telah menyatakan tentang perlunya tenaga wanita Islam dalam peperangan pada zaman dahulu, kerana kekurangan tenaga kaum lelaki Islam, sedang angkara musuh sangatlah besar bahayanya terhadap umat Islam. Tetapi setelah jumlah lelaki Islam bertambah, maka tentulah tidak dikehendaki lagi kepada bantuan kaum wanita di medan perang.”

Marahlah Umaymah mendengarnya lalu berkata: “Mengapa pula boleh jadi begitu? Adakah ini bermakna bahawa kaum perempuan hanya menjadi alat perkakas, diam membantu di rumah, tidak mempunyai tanggungjawab, sedang saudara-saudaranya yang lelaki menderita dalam api peperangan untuk membela agama dan tanah air?”

“Sabar, sabar wahai Umaymah”, sahut saudaranya Ḥusām menyabarkan lalu berkata: “Siapa kata wanita-wanita Islam seperti apa yang engkau katakan itu? Tetapi sebaliknya kaum wanita mempunyai tugas yang penting dalam perjuangan, tidak kurang pentingnya daripada yang dipegang oleh kaum lelaki!”

Umaymah menarik nafas lalu bertanya: “Jadi bagaimana?”

Tersenyum Ḥusām mendengar pertanyaan Umaymah itu lalu menjawab:

“Wanita Islam boleh mengambil bahagian dalam

perjuangan suci ini, dengan menjahit pakaian tentera

Islam, menyediakan makanan dan minuman, menyiapkan ubat-ubat dan alat-alat yang lain, mendidik anak-anak pahlawan dan memberi hadiah-hadiah yang memberangsangkan pejuang-pejuang.

Jawapan Ḥusām ini menyebabkan Umaymah tunduk berfikir lalu berkata: “Itu memang benar, perkara-perkara yang saudara katakan itu memang suatu tugas besar, dan sangatlah besar pula kesannya dalam perjuangan. Siapakah lagi yang akan menjalankan tugas suci itu jika tidak kaum perempuan?” Setelah terdiam sejeurus lalu berkata lagi: “Saya berjanji dan bersumpah, wahai saudara-saudara yang dikasihi, saya akan mencurahkan tenaga saya dalam memperjuangkan dan membela agama Allah. Saya akan bekerja dengan sepenuh-penuh tenaga untuk membantu pahlawan-pahlawan Islam!”

“Tuhan akan peliharamu wahai Umaymah, dan akan melimpahkan pertolongan kepada kita.” Kata Ḥusām serentak dengan saudara-saudaranya yang lain.

Pada saat itu kedengaran ‘Izz al-Dīn mengajak bersiap lalu berkata: “Kita telah terlambat. Masa berjalan terus, kita masih juga belum bergerak. Umaymah, bawa ke mari segala bekalan kami”.

Setelah berlengkap mereka pun member selamat tinggal kepada adik mereka – Umaymah – lalu berkata: “Hingga bertemu lagi pada hari kemenangan, atau pun kita berjumpa di akhirat kelak kalau kami gugur syahid di medan perjuangan”.

2

Pada suatu hari, setelah mengalami pahit

Sambungannya pada muka 32

Wanita Islam Berjuang

Sambungan dari muka 22

perpisahan dengan saudara-saudara lelakinya, Umaymah kelihatan duduk di biliknya, sambil bermunajat (berdoa) ke hadrat Ilahi, ujarinya: “Tuhanku, alangkah pahitnya perpisahan. Saudara-saudaraku yang berempat telah pergi berjuang kerana membela agama-Mu. Ayah dan ibuku telah pergi kerana menyahut seruan-Mu. Tinggallah aku di sini seorang diri dirundung oleh dukacita dan kesepian. Beberapa minggu telah berlalu sedang suatu berita belum lagi aku terima. Apakah khabar beritanya saudara-saudaraku itu? Sungguh sedih hatiku memikirkannya.” Umaymah terdiam sejujur, kemudian berkata seorang diri: “Tetapi.. mengapa aku begitu lemah? Saudara-saudaraku telah pergi menempa

kemuliaan dan kebahagiaan, mereka pergi kerana membela agama Allah dan membela tanah air kita....”

Tiba-tiba kedengaran orang mengetuk pintu.

“Siapa? Siapa?” bertanya Umaymah sambil bangun

menuju ke arah pintu.

“Saya seorang tentera Islam”. Jawab orang

itu.

Setelah Umaymah membuka pintu, orang itu pun

menyatakan kedatangannya dari medan perang sebagai seorang

utusan membawa khabar berita.

“Apa khabar saudara-saudara saya?” tanya Umaymah

dengan

hati yang berdebar-debar.

“Tuhan telah mengurniakan mereka dengan kemuliaan dan

dilimpahkan mereka dengan rahmat dan keredaan-Nya. Mereka

Siri Sejarah Hidup Nabi Muḥammad

Ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ‘ālihi wa sallam

Disusun oleh

Edrus

Buku ini disusun dipersesuaikan dengan sukatan pelajaran

sejarah Islam untuk pelajaran agama di sekolah kebangsaan

di Persekutuan Tanah Melayu. Berpenggal-penggal: 1. Hāshīm bin ‘Abd Manāf, 2. ‘Abd al-Muṭṭalib, nenda Nabi, 3. ‘Abd Allāh dan Āminah – ayah bonda Nabi, 4. Hari diperanakkan, 5. Ḥalīmah al-Sa’diyyah, 6. Yatim piatu, 7.

Berkahwin dengan Sīfī Khadījah, 8. Menerima Wahyu.

Buku ini mengandungi 24 buah. Sambungannya akan segera diterbitkan oleh Qalam Singapura. Harganya 30 sen senaskhah. Belanja mengirim 10 sen.



telah dipilih menghadap kebesaran-Nya dalam keadaan syahid”.

Kata utusan itu.

“Saudara-saudara saya.... yang berempat ?!” tanya

Umaymah sambil menangis mendengar berita yang memilukan itu.

“Umaymah, ingatlah firman Allah yang bermaksud:

“Sesungguhnya Kami uji kamu dengan suatu

ujian, iaitu ketakutan, kelaparan, kekurangan harta,

diri manusia dan buah-buahan. Berilah berita gembira kepada

orang-orang yang sabar, iaitu orang-orang yang apabila ditimpa

sesuatu kemalangan, mereka berkata: *Innā lillāhi wa innā ilayhi*

rāji‘ūn (Sesungguhnya kita kepunyaan Allah dan kepada-Nya

jua kita akan kembali). Untuk mereka rahmat daripada

Tuhan mereka, serta anugerah-Nya, dan merekalah orang-orang

yang beroleh petunjuk.”

“*Innā lillāhi wa innā ilayhi rāji‘ūn*” kata Umaymah dengan

sedih lakunya, lalu berkata lagi: “Tuhanku,

limpahkanlah sabar kepadaku, janganlah aku dihampakan

daripada beroleh pahala. Umaymah kemudian menanyakan tentera utusan

itu: “Adakah saudaraku yang berempat: ‘Izz al-Dīn, Ḥusām,

‘Āmir dan Nāṣir mati semuanya sekali?”

“Siapa kata mereka mati?” bertanya pula tentera

utusan itu lalu melipurkan hati Umaymah dengan

berkata: “Mereka semuanya hidup, hidup dalam

keadaan yang sebaik-baiknya, hidup dalam syurga. Benarlah

firman Allah Ta‘ālā yangt bermaksud: “Janganlah engkau sangka,

orang yang terkorban dalam perjuangan menegakkan agama Allah

itu mati, bahkan mereka itu hidup di sisi Allah,

serta mendapat rezeki. Mereka bersuka ria dengan pengurniaan

yang dilimpahkan Allah kepada mereka, lagi mendapat berita

gembira dengan orang yang akan mengiringi mereka (mati),

iaitu bahawa mereka tiada takut dan tiada pula berdukacita.

Mereka bersuka ria dengan nikmat Allah dan kurnia-Nya. Allah

tiada menyia-nyiakan pahala orang yang beriman.”

Maksud ayat-ayat suci yang dibacakan oleh utusan

itu menjadikan hati Umaymah tenteram lalu berkata:

“Benar, mereka semuanya hidup di sisi Allah dan diberi

rezeki. Tuhanku, aku jadikan mereka di sisi-Mu

sebagai bekal simpananku pada hari kiamat kelak.”

Tentera utusan itu pun meminta diri lalu berkata:

“Umaymah, ada apa-apa hajat saudari supaya saya

tunaikan, sebelum saya balik semula ke medan perang?”

“Tidak ada, hanya ribuan terima kasih saya

ucapkan kepada tuan, Tuhan sahajalah akan membalas

kebaikan tuan.” Jawab Umaymah.

Bersambung

Siapakah di antara sahabat Anṣār yang

utama? Jawabnya ialah

Sa‘ād bin Mu‘ādh

– Bangsawan kabilah Aws yang utama yang

banyak jasanya kepada Islam: perjuangannya,

hidupnya dan matinya semata-mata kerana Allah.

“Kematian Sa‘ād bin Mu‘ādh adalah satu

kehilangan yang sangat besar bagi kaum

Muslimin” – kata Umm al-Mu‘minīn ‘Āishah.

Perjuangannya? Baca sejarahnya dalam

buku ini. Sejarah Syuhada Islam 5.

Senaskhah hanya 50 sen pos

10 sen.